

Majikan enggan

UM 24 NOV 1999

24

Oleh
JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 23 Nov. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendedahkan terdapat sebilangan majikan sektor swasta tidak bersedia mematuhi arahan kerajaan supaya bercuti pada 29 November ini iaitu hari pengundian bagi pilihan raya umum ke-10.

Sebaliknya, para pekerja mereka hanya akan diberikan pelepasan sementara untuk keluar mengundi dan kembali menyambung kerja mereka seperti biasa pada hari pengundian nanti.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berulang kali menyeru para pengundi untuk menunaikan hak dan tanggungjawab

mereka untuk mengundi pada hari pengundian ini.

“Dengan menafikan hak pekerja untuk mengundi, para majikan itu sebenarnya menghalang hak pekerja mereka untuk memilih iaitu hak asasi individu yang dijamin di bawah Perlembagaan Negara” katanya.

“MTUC meminta Perdana Menteri mengeluarkan arahan tegas kepada sektor swasta untuk mem-

beri cuti 29 Nov.

benarkan para pekerja mereka mengambil cuti bergaji pada Isnin ini bagi membolehkan mereka mengundi,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Zainal berkata, tindakan majikan itu sangat tidak adil kepada para pengundi yang telah mendaftar di kampung halaman mereka tetapi mungkin tidak dapat berbuat demikian kerana tempat kerja mereka yang jauh.

Katanya, semua pekerja tanpa mengira di mana sekalipun mereka mendaftar, seharusnya dibenarkan cuti bergaji pada hari mengundi, selaras dengan pengumuman kerajaan dan ia tidak boleh ada tawar-menawar mengenainya.

Menurutnya, demokrasi akan menjadi tidak bererti jika majikan tidak bersedia membenarkan pekerja menunaikan hak mereka untuk mengundi.

Beliau berkata, MTUC menyeru para majikan terbabit untuk bersikap rasional dan bertindak seperti masyarakat korporat yang bertanggungjawab.

“Marjin keuntungan syarikat tidak akan tejejas jika majikan membenarkan sehari cuti bergaji kepada para pekerja mereka sekali dalam setiap lima tahun untuk memberi peluang mereka mengundi,” katanya.